

## TERMA & SYARAT PESTA MAKAN-MAKAN KIMBALL®

1. Pesta Makan-Makan Kimball® (“Pesta”) dianjurkan oleh Campbell Soup Southeast Asia Sdn. Bhd. (“Penganjur”).
2. Pesta ini akan dilangsungkan pada 23 Julai 2016 dari 9:30am hingga 3:00pm di Setia City Park, Shah Alam, melainkan diberitahu sebaliknya.
3. Pesta ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia.
4. Dengan menyertai Pesta, anda:
  - i. Bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Pesta
  - ii. Bersetuju bahawa anda menyertai Pesta ini atas risiko sendiri
  - iii. Bertanggungjawab sepenuhnya untuk keselamatan anda
  - iv. Bersetuju bahawa kegagalan untuk mematuhi mana-mana Terma-Terma, Syarat-syarat dan Peraturan Pesta yang ditetapkan, atau jika pihak Penganjur berpendapat bahawa Peserta tidak sesuai untuk mengambil bahagian dalam Pesta ini, maka, pihak Penganjur berhak, mengikut budi-bicara mutlaknya untuk menghalang atau membatalkan penyertaan Peserta dalam Pesta ini.
  - v. Bersetuju untuk memberi kebenaran kepada Penganjur untuk menerbitkan, menggunakan nama-nama, foto-foto, gambar-gambar dan/atau video-video berkaitan dengan Pesta untuk tujuan pengiklanan, pemasaran dan publisiti, tanpa perlu memberi notis terlebih dahulu atau pampasan kepada Peserta. Peserta tidak layak untuk menuntut hak milik atau sebarang pampasan lain untuk bahan-bahan tersebut.
5. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerosakan kepada harta benda atau sebarang kecederaan atau kejadian yang tidak diingini yang menimpa sesiapa jua pun.
6. Untuk Peserta yang berusia di bawah 18 tahun, kebenaran daripada ibu atau bapa atau penjaga diwajibkan. Peserta, dengan ini mengesahkan bahawa dia telah memperolehi kebenaran daripada ibu atau bapa atau penjaganya untuk mengambil bahagian dalam Pesta ini.
7. Penganjur berhak untuk mengubah Terma & Syarat Pesta ini pada bila-bila masa menurut budi bicaranya tanpa sebarang pemberitahuan awal.

### Baucar Makanan

1. Baucar makanan hanya boleh ditebus semasa hari Pesta pada tarikh dan masa yang tertera pada kad Pesta.
2. Baucar makanan tidak boleh ditukarkan untuk wang tunai atau kredit secara keseluruhan atau sebahagiannya.
3. Sila serahkan baucar makanan untuk mendapatkan hidangan anda. Satu (1) baucar makanan hanya sah untuk penebusan satu (1) jenis hidangan. Penebusan hidangan makanan adalah sementara stok masih ada.
4. Sebarang pindaan pada baucar ini menjadikannya tidak sah dan tiada penggantian akan diberikan untuk baucar yang rosak, hilang atau luput.
5. Penganjur berhak menukarkan Terma & Syarat tanpa pemberian notis dahulu.
6. Makanan mesti dimakan dalam masa satu jam daripada masa ianya diambil.

### Peraduan Cabutan Bertuah

1. Peraduan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas (pada tarikh penyertaan dalam peraduan ini) dan memiliki Kad Pengenalan Malaysia atau pasport yang sah.
2. Peserta dikehendaki menjawab soalan, melengkapkan semua butir-butir peribadi dan memasukkan borang ke dalam Kotak Cabutan Bertuah pada atau sebelum 1:45pm pada hari Pesta. Penyertaan yang diterima selepas waktu tutup akan dibatalkan dan tidak layak untuk penyertaan dan hadiah.
3. Peserta dikehendaki mengemukakan kad nombor bersiri dan Kad Pengenalan atau pasport yang sah untuk menuntut hadiah.
4. Semua hadiah perlu dituntut pada atau sebelum pukul 3:00pm pada hari Pesta di Kaunter Penebusan Hadiah. Semua hadiah yang tidak dituntut akan ditarik balik.
5. Pihak Penganjur berhak di atas budi bicara mutlaknya, menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang senilai dengannya, pada bila-bila masanya tanpa memberi notis terlebih dahulu. Hadiah-hadiah tidak boleh dipindah milik dan akan diberikan dalam ‘keadaan sedia ada’ dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit dan barangan lain atau baucar secara sebahagian atau sepenuhnya.
6. Semua pemegang mestilah mematuhi Terma & Syarat yang ditetapkan oleh Pihak Penganjur dan/ atau pihak yang menyediakan hadiah dan juga Terma & Syarat yang disertakan bersama hadiah berkenaan, jika ada.

## Notis Privasi & Persetujuan

1. Maklumat peribadi anda, termasuk tanpa had kepada data peribadi yang diperolehi daripada anda secara langsung apabila anda memberikan Penganjur maklumat peribadi, contohnya apabila anda mendaftar untuk cabutan bertuah Penganjur, membeli produk atau perkhidmatan dari Penganjur, mendaftar untuk menerima maklumat, menggunakan aplikasi Penganjur, mengisi kaji selidik, atau memberi komen atau membuat siasatan dan/ atau sebarang kemas kini selanjutnya yang diberikan kepada Penganjur oleh anda berhubung dengan maklumat peribadi anda (“Data Peribadi”), akan diproses untuk tujuan penyertaan anda dalam pesta/ acara / peraduan /pertandingan dan/atau pameran bergerak Penganjur, untuk menyediakan anda dengan produk-produk atau perkhidmatan yang anda meminta daripada Penganjur, untuk menyediakan anda dengan terlebih dahulu notis peristiwa masa depan, untuk bertindak balas kepada pertanyaan, untuk memberikan anda maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan/atau siaran baru yang mungkin menarik minat anda, menjemput anda dan langganan anda untuk surat berita Penganjur, dan/atau untuk tujuan pengauditan dalam kes-kes di mana terdapat pertikaian (secara kolektif, “Tujuan”)
2. Penganjur juga ingin memaklumkan kepada anda bahawa Data Peribadi anda mungkin didedahkan kepada pihak ketiga, seperti kepada ibu pejabat Penganjur, pejabat serantau, anak-anak syarikat, sekutu dan/ atau ahli dalam kumpulan Campbell Soup, syarikat-syarikat, dan/ atau pembekal perkhidmatan Penganjur, yang mungkin terletak di luar Malaysia, atas sebab-sebab yang berkaitan dengan Tujuan.
3. Jika anda ingin mengakses, membetul, menghad atau mengemas kini Data Peribadi anda, atau membuat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai pemprosesan maklumat, sila hubungi Penganjur di [enquiry@kimball.com.my](mailto:enquiry@kimball.com.my)
4. Untuk mengetahui lebih lanjut bagaimana kami memproses data peribadi anda, sila lawati Polisi Privasi Penganjur di [http://www.campbellsoup.com.my/Privacy%2bPolicy\\_9\\_1.htm](http://www.campbellsoup.com.my/Privacy%2bPolicy_9_1.htm)